



Rujukan Kami : LKIM.M 406/761/3

Tarikh : 7 Julai 2021

- Seperti Lampiran

Tuan / Puan,

RALAT

**PELAWAAN MENGEMUKAKAN CADANGAN SEBAGAI PENGENDALI PASAR
LKIM BERGERAK PRIHATIN RAKYAT (PLBPR) - Request for Proposal**

Dengan hormatnya perkara tersebut di atas adalah dirujuk dan **surat bertarikh 2 Julai 2021** adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa terdapat sedikit **Ralat** di dalam syarat-syarat Sebagai Pengendali Pasar LKIM Bergerak Prihatin Rakyat (PBLPR) bagi **perkara 7 (ii) & (iii)** iaitu :

- ii. **Pengendali menanggung Kos bahan api**
- iii. **Pengendali menyediakan pemandu dan pekerja**

3. Oleh yang demikian, bersama-sama ini **dilampirkan maklumat dan syarat-syarat baru untuk menjadi pengendali PLBPR yang baharu** untuk makluman dan tindakan tuan/puan. (Rujuk Lampiran 1).

4. Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan Encik Nur Effendi bin Ibrahim di talian 03-8064 9061 atau Puan Faziana binti Abdul Razak di talian 03-8064 9000 (ext:7421) atau emel 2019pemasaranpn@gmail.com.

5. Kerjasama dan perhatian tuan/puan berhubung tawaran ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

'PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(YUSOFF BIN OTHMAN)

Ketua Pengarah

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

SYARAT SEBAGAI PENGENDALI PASAR LKIM BERGERAK PRIHATIN RAKYAT (PBLPR)

1. MAKLUMAT ASAS

- i. Profil Syarikat
- ii. Pengalaman dan rekod dalam bidang peruncitan
- iii. Salinan Penyata Akaun Kewangan syarikat tiga (3) bulan terkini
- iv. Cadangan kerjasama dengan Persatuan Nelayan (PN) yang berkaitan.

2. PREMIS JUALAN

- i. Premis Jualan adalah lori yang dibekalkan oleh LKIM
- ii. Pihak LKIM akan menyediakan lori berkapasiti 10MT dan kebawah
- iii. Pengendali perlu mengendali dan mengoperasikan PLBPR (sewaan kepada pihak ke-tiga adalah tidak dibenarkan)
- iv. Lokasi di Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Pahang, Kelantan, Terengganu, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor (*Lampiran A*)
- v. Tempoh pengendalian PLBPR adalah selama enam (6) bulan.
- vi. Pembekalan bahan mentah akan ditanggung oleh pengendali (*Contoh Senarai bahan mentah di Lampiran B*) – masukkan cadangan harga jualan

3. WAKTU OPERASI

- i. Waktu operasi PLBPR bermula 9.00 pagi hingga 10.00 malam.
- ii. Minimum waktu jualan bagi setiap lokasi adalah selama tiga (3) jam.
- iii. Kekekapan jualan adalah selama 26 hari dalam sebulan.
- iv. Pengendali perlu bersedia/berada di lokasi atau mana-mana lokasi yang diarahkan oleh LKIM apabila dihubungi dalam tempoh yang ditetapkan.
- v. Sebarang perubahan waktu operasi hendaklah mendapatkan kelulusan pihak LKIM.

4. SENARAI BARANGAN JUALAN

- i. Barangan jualan adalah terdiri daripada makanan dan keperluan asas, produk hasil perikanan dan pertanian serta barang keperluan harian yang lain.
- ii. Pengendali dilarang menjual bahan-bahan yang tidak halal, bahan-bahan yang telah tamat tarikh luput dan barangan yang dilarang penjualan oleh Kerajaan Malaysia dan juga bahan-bahan yang tidak disenaraikan dalam Lampiran B tanpa mendapatkan kelulusan pihak LKIM terlebih dahulu.
- iii. Minuman alkohol dan rokok adalah dilarang sama sekali penjualannya.

5. HARGA JUALAN

- i. Harga barangan jualan dan tanda harga hendaklah dipamerkan dengan jelas di tempat yang mudah dilihat oleh pelanggan.
- ii. Harga barangan jualan hendaklah lebih rendah dari harga pasaran atau pengurangan harga mengikut skim harga yang dikeluarkan oleh KPDNHEP.
- iii. Sekiranya aduan atau rungutan diterima daripada pengguna atau mana-mana pihak mengenai harga jualan yang tidak munasabah, maka tawaran ini akan terbatal tanpa apa-apa pampasan.
- iv. Pengendali hendaklah menyatakan jenama dan harga runcit disyorkan (RRP) bagi setiap barang yang dicadangkan.

6. LESEN PERNIAGAAN

- i. Pengendali hendaklah mengemukakan sesalinan Lesen Perniagaan yang sah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan di Semenanjung Malaysia untuk semakkan serta rujukan LKIM

7. TANGGUNGJAWAB PENGENDALI

- i. Pengendali menanggung Kos operasi
- ii. Pengendali adalah bertanggungjawab terhadap sebarang kesalahan yang melibatkan pihak berkuasa
- iii. Pengendali bertanggungjawab terhadap keselamatan kenderaan
- iv. Mengemukakan laporan kerja harian dan bulanan (Laporan Bergambar, Jadual Kerja, Laporan Urusniaga & Bilangan Pengunjung) kepada pihak LKIM setiap hujung bulan atau pada bila-bila masa yang dipohon oleh pihak LKIM
- v. Menyediakan dan menghantar jadual pergerakan lori ke lokasi jualan kepada pihak LKIM setiap bulan
- vi. Mencapai KPI yang telah ditetapkan oleh LKIM

8. Kertas cadangan yang lengkap hendaklah dihantar kepada

Pengarah Bahagian Pemasaran dan Pelesenan

Aras Bawah Wisma LKIM

Jalan Desaria, Pulau Meranti

47120 Puchong, Selangor.

9. Tarikh pelawaan di Laman Sesawang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) adalah pada **05 Julai 2021 (Isnin)** dan tarikh tutup pelawaan adalah pada **19 Julai 2021 (Isnin)**

Lampiran A - Lokasi jualan

Zon Utara

1. Perlis
2. Kedah
3. Pulau Pinang
4. Perak

Zon Selatan

1. Selangor
2. Negeri Sembilan
3. Melaka
4. Johor

Zon Timur

1. Pahang
2. Terengganu
3. Kelantan

Lampiran B – contoh senarai barangan jualan

i. Hasil dan produk perikanan

1. Ikan basah – seperti ikan kembung, ikan pelaling, ikan selar, ikan cencaru udang, sotong, ketam, kerang dan lain-lain
2. Produk QFish atau Produk Sejuk Beku
3. Produk perikanan dari PNK dan usahawan LKIM

ii. Barangan Keperluan Asas

Bil.	Perkara	Cadangan Saiz	Cadangan Harga Jualan (RM)
1	Beras		
2	Gula		
3	Minuman Serbuk (cth: Milo, Horlicks, The, Kopi, Nescafe dll)		
4	Bahan Perasa Masakan (cth: Ajinomoto, Serbuk Kunyit, Serbuk Kurma, Kayu Manis, Belacan dll)		
5	Produk Tenusu		
6	Makanan Bertin (cth: Sardin dll)		
7	Santan		
8	Cili Kering		
9	Kentang		
10	Garam		
11	Tepung (cth: Gandum, Beras, Jagung dll)		

12	Sos (cth: Cili, Tomato, Kicap dll)		
13	Rempah ratus (cth: Lada Hitam, Halia, Lengkuas, Kunyit, Sup bunjut dll)		
14	Mee Segera		
15	Minyak Masak		
16	Telur		
17	Bawang (cth: Bawang Merah, Besar, Putih dll)		
18	Bihun		
19	Minuman berperisa		
20	Dan Lain-lain yang berkaitan dengan Barang Keperluan Asas.		